

27/05/2003

Koh salahkan UDA atas kewujudan penempatan daif

GEORGETOWN: Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon semalam menyalahkan Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA) atas kewujudan penempatan 'sebelum perang' di kawasan Tanjung Tokong, di sini.

Beliau berkata, kerajaan negeri menyerahkan 16 hektar tanah tebus guna kepada perbadanan itu untuk membina rumah mampu milik dalam kawasan berkenaan pada 1990-an, tetapi tidak dilaksanakan.

"UDA menghadapi beberapa masalah, tetapi kini ia di bawah pengurusan baru dan kita akan berbincang dengan mereka untuk mempercepatkan program perumahan di kawasan berkenaan," katanya kepada pemberita di perkarangan Dewan Undangan Negeri, semalam.

Beliau mengulas kekecewaan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana masih ada rakyat Pulau Pinang ketinggalan, meskipun negeri

itu mencapai pembangunan pesat dalam pelbagai bidang.

Perdana Menteri berkata, walaupun banyak pembangunan pencakar langit dan

moden dibina di negeri ini, namun masih ada rakyatnya yang tinggal di rumah tidak selesa, termasuk rumah kayu yang usang.

Dr Mahathir menyatakan demikian ketika merasmikan projek tebus guna tanah Tanjung Pinang, Tanjung Tokong, di sini, Sabtu lalu.

Koh berkata, kewujudan banyak rumah mewah dan hotel di sepanjang Tanjung

Tokong dan Batu Ferringhi bukan bertujuan menjadikan kawasan itu sebagai kediaman eksklusif bagi golongan kaya.

Katanya, kebanyakan projek itu sudah lama dilaksanakan di situ dan pemaju memenuhi tanggung jawab membina perumahan mampu milik untuk orang ramai sebagai sebahagian perjanjian perumahan di antara mereka dan pihak berkuasa tempatan.

Beliau juga mendakwa, Dr Mahathir tidak kecewa terhadap kerajaan negeri

atas pembangunan perumahan yang tidak seimbang di negeri ini.

"Malah, saya menimbulkan perkara ini dengan Dr Mahathir ketika kami dalam perjalanan bagi menghadiri majlis itu dan tidak menyembunyikan daripada beliau mengenai masalah dihadapi penduduk di Tanjung Tokong serta

kawasan berdekatan.

"Dalam ucapannya, Perdana Menteri memuji kerajaan negeri kerana projek pembangunan yang dilaksanakan, selain menasihati dan mengingatkan kami supaya tidak mengetepikan orang miskin.

"Kita terima nasihat Dr Mahathir dengan amat positif," katanya.

Koh berkata, seperti di Kuala Lumpur dan kebanyakan bandar raya di negara ini, ada masalah perumahan dan setinggan.